

PROMOSI RUJUKAN PERBANKAN PRIORITI HONG LEONG

Terakhir dikemas kini pada 26 Januari 2021

“Promosi Rujukan Perbankan Prioriti Hong Leong” (“**Promosi**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) bermula pada 28 Januari 2021 dan berakhir pada 30 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Promosi**”), melainkan dimaklumkan sebaliknya dengan cara penghantaran di laman web HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”).

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Promosi (“**T&S**”):

1. Promosi ini terbuka untuk penyertaan oleh semua pelanggan Perbankan Prioriti Hong Leong Bank (“**Pelanggan PB**”) yang merupakan warganegara Malaysia dan/atau bukan warganegara Malaysia semasa Tempoh Promosi, melainkan dimaklumkan sebaliknya.
2. Pelanggan PB dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan PB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti (“**Keahlian PB**”). Keahlian PB merujuk kepada jumlah gabungan AUM dan/atau Pelaburan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausus 3 di bawah) sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) (“**Baki Minimum**”) atau jumlah lain yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa (“**Kriteria Kelayakan PB**”). Pelanggan PB baru merujuk kepada Pelanggan PB yang telah menyertai Keahlian PB semasa Tempoh Promosi.
3. Bagi tujuan di sini, istilah “**AUM**” yang bermaksud Aset Di bawah Pengurusan hendaklah merujuk kepada jumlah deposit dalam mana-mana Akaun Simpanan Tetap/Simpanan Tetap-i (“**FD**”), Akaun Simpanan/Simpanan-i dan Akaun Semasa/Semasa-i (“**CASA**”), Akaun Mata Wang Asing (“**FCA**”) dan/atau jumlah pelaburan utama dalam mana-mana Dana Unit Amanah (“**UT**”) dan/atau Produk Berstruktur (“**SP**”) dengan Bank pada satu-satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus akan dikecualikan sebagai sebahagian daripada AUM untuk membentuk keperluan Baki Minimum.
4. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) orang yang memohon untuk Keahlian PB, satu akaun bersama haruslah dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya pertama terpapar dalam rekod HLB akan menjadi pemegang utama akaun (“**Ahli Utama**”) dan pemegang akaun bersama yang lain adalah pemegang akaun sekunder (“**Ahli Sekunder**”).
5. Pelanggan bukan individu tidak layak menyertai Promosi, termasuk Syarikat, Entiti Perniagaan, Pemegang Akaun Peguamcara, Persatuan, Kelab, Sekolah, Pertubuhan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan, Milikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Pengamal Profesional yang yang didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia.

TATA CARA PROMOSI

6. Pelanggan PB ("Perujuk") akan diberi ganjaran tunai yang digambarkan dalam jadual di bawah ("Ganjaran Rujukan") apabila berjaya merujuk kepada rakan atau ahli keluarga untuk mendaftar keahlian PB ("Pelanggan PB yang Dirujuk") semasa Tempoh Promosi:

Jadual 1: Kriteria Rujukan Berjaya

Peserta Layak	Kriteria Rujukan yang Berjaya	Ganjaran Rujukan
Pelanggan PB	<p>Pelanggan PB yang dirujuk mesti memenuhi kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendaftar sebagai Ahli Utama Keahlian PB dengan AUM minimum RM300,000 ("AUM Minimum"); • Tidak mempunyai sebarang akaun dengan HLB termasuk mana-mana akaun bersama HLB sebelum Tempoh Promosi ("Pelanggan Baru Bank"); dan • Layak untuk Keahlian PB. 	Ganjaran tunai bernilai Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) setiap rujukan berjaya

7. AUM Minimum yang dinyatakan dalam Klausa 6 haruslah **Dana Baru**. Dana Baru ditakrifkan sebagai:
- a) Tunai, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pemindahan telegrafik dari bank lain, atau akaun FD baru Pelanggan PB; dan
 - b) Hasil yang timbul daripada penebusan UT, FRNID, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Sef semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA.
8. Berikut tidak boleh dianggap sebagai Dana Baru:
- a) Pengeluaran FD matang atau pengeluaran pramatang FD dari mana-mana akaun FD dan/atau FD-i HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB");
 - b) Pemindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada CASA dan/atau CASA-i, FD dan/atau FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"));
 - c) Pindahan antara cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
9. Tertakluk kepada T&S di sini, Perujuk berhak menerima Ganjaran Rujukan ("Pelanggan yang Layak") apabila:
- a. Pemenuhan kriteria seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 6 hingga 8 di atas;
 - b. Pemenuhan kriteria Rujukan yang Berjaya oleh Pelanggan PB yang Dirujuk seperti yang diperuntukkan dalam jadual dalam Klausa 6 di atas; dan
 - c. Penyerahan **Borang Rujukan Pelanggan** yang lengkap seperti yang diperuntukkan di bawah Lampiran 1 ("Borang Rujukan") kepada pengurus perhubungan HLB semasa

Tempoh Promosi. Sebarang rujukan tanpa Borang Rujukan yang lengkap yang dikemukakan semasa Tempoh Promosi akan dianggap tidak sah dan Pelanggan yang Layak tidak berhak mendapat Ganjaran Rujukan.

Untuk mengelakkan keraguan, Ganjaran Rujukan diberikan berdasar siapa cepat dia dapat dengan had satu ratus enam puluh lima (165) unit Ganjaran Rujukan ("Unit Dihadkan"). Walau apapun yang dinyatakan di sini, tiada Lagi Ganjaran Rujukan akan diberikan sebaik sahaja Unit Dihadkan diperuntukkan sepenuhnya.

10. Perujuk boleh merujuk lebih daripada satu (1) Pelanggan PB yang Dirujuk sepanjang Tempoh Promosi.

PEMENUHAN GAJARAN

11. Ganjaran Rujukan akan dimasukkan ke dalam CASA yang dinamakan oleh Pelanggan yang Layak. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak haruslah pemegang Akaun Utama CASA yang dinamakan.
12. Ganjaran Rujukan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3).
13. Sekiranya dua (2) orang Perujuk merujuk Pelanggan PB yang Dirujuk yang sama semasa Tempoh Promosi, Perujuk yang pertama menerima Borang Rujukan yang lengkap akan berhak mendapat Ganjaran Rujukan, mengikut mana yang berkenaan.
14. Perujuk membuat representasi dan jaminan bahawa dengan mengemukakan Borang Rujukan semasa Tempoh Promosi, Perujuk telah mendapat persetujuan daripada Pelanggan PB yang Dirujuk untuk menyerahkan nama dan nombor telefon mereka kepada HLB untuk tujuan Promosi.
15. Dengan mengemukakan Borang Rujukan, Perujuk memberi persetujuan kepada HLB untuk mendedahkan kepada Pelanggan PB yang Dirujuk atas nama Perujuk jika diminta oleh Pelanggan PB yang Dirujuk.
16. Pelanggan yang Layak akan menerima pemberitahuan SMS daripada HLB ("Pemberitahuan") yang memaklumkan mereka bahawa mereka layak mendapat Ganjaran Rujukan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari selepas Tempoh Promosi ("Pemenang").
17. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak yang tidak menerima sebarang Pemberitahuan akan dianggap tidak layak mendapat Ganjaran Rujukan. Perkhidmatan SMS untuk Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
18. Pada dasarnya adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memberikan maklumat perhubungan terkini dan tepat mereka (iaitu nombor telefon bimbit) kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan yang Layak/Pemenang tidak dapat dihubungi atas apa juar sebab.

TERMA DAN SYARAT AM

19. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan PB bersetuju:
 - a. untuk membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi T&S yang terkandung di sini; dan
 - b. bahawa semua rekod transaksi yang diambil oleh sistem HLB dalam Tempoh Promosi dan senarai Pelanggan PB adalah tepat dan muktamad; dan
 - c. bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi (termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan Ganjaran Rujukan) adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan PB; dan
 - d. bahawa T&S di sini, Terma dan Syarat Perbankan Prioriti, Perjanjian Perkhidmatan Pelaburan (jika berkenaan) dan Terma dan Syarat Am Akaun akan dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S khusus di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut;
 - e. untuk bersetuju dan memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka, iaitu, nombor telefon kepada M3Tech, untuk tujuan Promosi ini; dan
 - f. untuk mengakses Laman Web HLB secara kerap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terhadap T&S.
20. HLB berhak untuk:
 - a. menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan notis terlebih dahulu menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
 - b. menggantikan Ganjaran Rujukan dengan produk lain yang serupa pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu; dan
 - c. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan PB untuk menyertai Promosi ini dan/atau berhak mendapat Ganjaran Rujukan.
21. Pelanggan PB yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak untuk menyertai Promosi ini.
22. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan PB bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.
23. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk tunggal yang lain termasuk jamak dan sebaliknya.

HLB adalah ahli PIDM.

Akaun deposit dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Pelanggan diingatkan bahawa akaun pelaburan tidak dilindungi oleh PIDM. Apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit yang dilindungi PIDM untuk tujuan membeli apa-apa produk pelaburan tidak lagi dilindungi oleh pidm.

Lampiran 1 – Borang Rujukan



Priority Banking Referral Form

Please ensure that your personal particulars are legible and complete.

Section A: Personal Details of Referrer

Full Name (as per NRIC/Passport): _____

NRIC/Passport No: _____

Phone Number: _____

HLB CASA Account Number: _____

Consent to Process Personal Data

I/We hereby represent and warrant that I/we have obtained the consent of all person named in this Priority Banking Referral Form ("Relevant Data Subject") or such other documents submitted to Hong Leong Bank Berhad ("HLBB") in connection with the Priority Banking Referral Form or the "Hong Leong Bank Priority Banking Referral Promotion" for HLBB's collection, holding and use of the personal information of the Relevant Data Subjects in accordance with HLBB's Privacy Notice which is available on HLBB's website at www.hlb.com.my.

Signature: _____

Date: _____

Section B: Details of My Family Member or Friend

Full Name (as per NRIC/Passport): _____

NRIC/Passport No: _____

Phone Number: _____

Consent to Process Personal Data

I/We hereby agree and consent to HLBB's collection, holding and use of my/our personal data which I/we and/or the Referrer have provided to HLBB in connection with this Priority Banking Referral Form or the "Hong Leong Bank Priority Banking Referral Promotion".

Signature: _____

Date: _____